




KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD

LAPORAN TAHUNAN 2019

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-24
26 SEPTEMBER 2020

STRUKTUR ORGANISASI KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD 2019/2020





ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD

Duduk dari kiri: Cik Norashikin Abdullah (Bendahari), En Ahmad Hashimi Mohamad (Pengerusi), En Azmy Jakomar (Setiausaha)

Berdiri dari kiri: Norashikin Saad, Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri, Mohd Firdaus Mazalan, Nor Hamizan Hashim, Pn Sarida Hj Salleh, Pn Rinawati Mohamed Nawawi.





KOPERASI KAKITANGAN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA MALAYSIA
TINGKAT 9, BANGUNAN LPPKN, JALAN RAJA LAUT,
KUALA LUMPUR.
TEL/FAX NO: 03-26928661,03-26137555 Ext 3900

Rujukan Kami: Bil (24) KKLPPKN/MP/1

15 September 2020

Anggota Anggota Koperasi Yang Dihormati,


Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

Adalah dengan hormatnya saya bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengemukakan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi Tahun Kewangan 2019 bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019 untuk makluman dan perhatian tuan / puan.

Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan dan kerjasama tuan / puan kepada Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas


(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat
Koperasi Kakitangan LPPKN (M) BHD.

KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	Perutusan Pengerusi	1 - 2
2.	Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24	3
3.	Maklumat Koperasi	4
4.	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 23	5 - 24
5.	Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad Bagi Tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019. - Laporan Biro-Biro	25 - 29 Lampiran 1
6.	Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019.	Lampiran 2
7.	Laporan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 Yang Telah Di Audit.	Lampiran 3
8.	Membentangkan Usul-Usul Untuk Dibahaskan	Lampiran 4

PERUTUSAN Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu marilah kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana berkat dan izinNya dapat kita berkumpul sekali lagi dan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd.

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, saya mengalu-alukan para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24. Sebagai perwakilan kawasan masing-masing, tuan/puan diberi peluang untuk bukan sahaja mengemukakan komen dan kritikan mengenai perjalanan Koperasi tetapi juga diberi peluang untuk menyumbang idea-idea baharu dan bernas yang boleh memajukan lagi Koperasi kita. Dalam setiap mesyuarat mungkin akan terdapat percanggahan pendapat dan kritikan yang menyinggung perasaan. Seperti yang kita semua maklum, cabaran besar mengharungi pandemik COVID-19 telah dan akan terus memberi impak kepada kita semua dan Koperasi khususnya. Namun begitu, kita tidak boleh putus asa dan terus mengamalkan budaya norma baharu dalam pentadbiran dan perniagaan kita.

Seperti yang diamanahkan, Anggota Lembaga Koperasi telah cuba mempelbagaikan usaha untuk memajukan Koperasi kita. Koperasi masih berteraskan tiga objektif strategi bagi memajukan Koperasi kita iaitu Meningkatkan Sistem Penyampaian, Diversifikasi Perniagaan, dan Prestasi Kewangan yang Mampan masih diteruskan. Sistem pengurusan perniagaan dan kewangan telah ditambahbaik dengan mengaplikasikan sistem teknologi maklumat bagi tadbir urus yang lebih dinamik dan cekap bagi manfaat kepada semua ahli Koperasi. Pada tahun 2019 juga, kami memberikan lebih tumpuan kepada mempergiatkan lagi aktiviti pelaburan sama ada pelaburan jangka pendek mahupun pelaburan jangka panjang.

Nilai bersih aset Koperasi masih melebihi RM10.9 Juta pada akhir tahun 2019 dan angka ini dilihat sedikit meningkat dari tahun sebelumnya. Dalam tahun 2019 juga, Koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM863,483.92 berbanding RM821,076.19 pada tahun 2018. Manakala koperasi dapat mengoptimum dan mengurangkan perbelanjaan pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM463,944.53 sedikit berkurangan daripada perbelanjaan 2018 iaitu RM466,078.51. Atas dasar pendapatan meningkat dan perbelanjaan yang efisien, maka keuntungan koperasi pada tahun 2019 meningkat daripada RM354,997.68 pada tahun 2018 kepada RM399,539.39 pada tahun 2019 (kenaikan sebanyak 12.5%).

Peningkatan keuntungan ini disumbang oleh aktiviti kredit yang mampan dan pertambahan keuntungan yang baik dalam aktiviti pelaburan, di samping aktiviti perolehan perniagaan. Setelah diambil kira pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2019, Anggota Lembaga Koperasi telah memutuskan agihan keuntungan yang berbentuk dividen sebanyak 10 peratus bagi modal saham dan 5 peratus bagi modal caruman.

Sebelum mengakhiri kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Lembaga Koperasi dan kakitangan yang telah bertungkus-lumus untuk mempertingkatkan prestasi Koperasi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Audit Dalam yang telah memberi pandangan dan nasihat mereka bagi melancarkan lagi urusan koperasi. Ucapan terima kasih dipanjangkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah banyak memberi nasihat, cadangan serta pandangan dan pengurusan dan pentadbiran Koperasi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ahli Koperasi dan Pengurusan LPPKN yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama dalam memajukan Koperasi.

Sekian dan selamat maju jaya dan terima kasih.

Salam hormat dari saya



(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)
Pengerusi,
Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 24


Mengikut Undang-Undang Kecil 29(1) dan 29(2) adalah dengan ini diberitahu kepada semua anggota-anggota bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24, Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad akan diadakan pada 26 September 2020 (Hari Sabtu) jam 09.00 pagi di Tingkat 13, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

AGENDA MESYUARAT AGUNG

1. Melantik Pengerusi sementara mesyuarat
2. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 23 yang telah diadakan pada 27 Jun 2019
3. Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi tahun 2020-2021
4. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang Perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24.
5. Menimbang dan Menerima Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 01 Januari hingga 31 Disember 2019.
6. Pembentangan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.
7. Menerima Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang diaudit.
8. Meluluskan cadangan pembahagian keuntungan di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi
 - 8.1. Membayar dividen caruman kepada anggota -anggota
 - 8.2. Membayar dividen saham 10% kepada anggota – anggota
 - 8.3. Membayar saguhati Kehormat (Honorarium) kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun kewangan 2019.
9. Membenarkan Anggota Lembaga Koperasi Membuat Pelaburan mengikut Undang undang Kecil
 - 9.1 Perkara 34(1)(k) iaitu "menentukan had maksimum keterhutangan koperasi ini". Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
 - 9.2 Perkara 34(1)(i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi dengan anggaran maksimum RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
10. Membentang Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi sesi tahun 2020 – 2021
11. Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
12. Membentang Usul (Jika ada)
13. Meminda Undang-Undang Kecil Koperasi (Pindaan 2010) (Jika ada)
14. Hal-hal Lain.
15. Ulasan daripada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang Menjalankan Tugas,


(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat
Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

MAKLUMAT KOPERASI

A. ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2019 - 2020

- | | |
|---|--------------|
| 1. En. Ahmad Hashimi bin Mohammad | > Pengerusi |
| 2. En. Mohd Azmy bin Jakomar | > Setiausaha |
| 3. Cik. Nor'Ashikin binti Abdullah | > Bendahari |
| 4. Pn. Rinawati binti Mohamed Nawawi | > Ahli |
| 5. Pn. Nor Ashikin binti Saad | > Ahli |
| 6. Pn. Sarida binti Hj Saleh | > Ahli |
| 7. En. Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri | > Ahli |
| 8. En. Norhamizan bin Hashim | > Ahli |
| 9. En. Mohd Firdaus bin Mazalan | > Ahli |

B. Juruaudit Dalaman

1. Pn. Mariam binti Abu
2. Pn. Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin
3. Pn. Noor Hafiza binti Ibrahim

C. Pengurusan Koperasi

- | | |
|---|----------------|
| 1. Pn. Rahani bt. Mat Ail | > Pengurus |
| 2. Pn. Maslina bt. Masri-Berhenti 4 Mei 2020 | > Kerani Akaun |
| 3. Pn. Nadira bt Mohd Zameil-Bermula 6 Julai 2020 | > Kerani Akaun |
| 4. Cik. Azfarinaz binti Amran | > Kerani |
| 5. En. Norhelmi bin Mohamad Jadi | > Kerani |

D. Pejabat Berdaftar Tingkat 9, Bangunan LPPKN No: 12 B Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur

E. No. Telefon/Fax : 03-26928661, 03-26137555 samb. 3900 Laman Sesawang: <http://www.kooplppkn.webs.com> Email: koperasilppkn@gmail.com

F. Juruaudit Luar A. Razak & Co. 51-2D, 2nd Floor Jalan Pandan 3/10 Pandan Jaya 55100 Kuala Lumpur

G. Bank: Maybank Cawangan Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, K. Lumpur Bank Rakyat Cawangan Jalan Ipoh, Kuala Lumpur

**Minit
Mesyuarat
Agung
Perwakilan
Kali
Ke 23**

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KALI KE 23
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD**

TARIKH : 27 JUN 2019 (KHAMIS)
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : AUDITORIUM ARAS 13, BANGUNAN LPPKN
JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR
JUMLAH : 34 ORANG (SENARAI DILAMPIRKAN)

1. PELANTIKAN Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 En. Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) telah mencadangkan En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor (No. Anggota 1903) sebagai Pengerusi Mesyuarat.
- 1.2 Anggota perwakilan bersetuju agar En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor (No. Anggota 1903) dilantik sebagai pengerusi sementara Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 23 Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Sdn. Bhd.
- 1.3 En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor (No. Anggota 1903) mengucapkan terima kasih kepada perwakilan di atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau untuk mempengerusikan mesyuarat.
- 1.4 Pengerusi mesyuarat memohon agar semua perwakilan memastikan telah memperoleh kit mesyuarat yang telah diedarkan.

2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 22 TAHUN 2018 BERTARIKH 28 JUN 2018

- 2.1 En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor (No. Anggota 1903) selaku pengerusi mesyuarat telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 22 Tahun 2018 dari mukasurat 5 hingga mukasurat 16 untuk disahkan oleh Anggota mesyuarat.
- 2.2 Puan Masni binti Rahim (No. Anggota 1677) mencadangkan agar minit tersebut disahkan dan disokong oleh En. Ammar Izdiyar bin Zainuddin (No. Anggota 1944).

3. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2019/2020

3.1 Sebanyak lima (5) pencalonan diterima bagi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Sesi 2019/2020 untuk mengisi tiga (3) kerusi Anggota Lembaga Pengarah Koperasi yang telah tamat tempoh dan satu calon bagi melantik Penolong Bendahari yang masih bercuti sakit. Jumlah perwakilan yang akan dipilih adalah sebanyak empat (4) orang.

3.2 Lima (5) orang calon bersetuju untuk bertanding dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan. En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) selaku Setiausaha mengumumkan keputusan bagi lima (5) perwakilan yang dicalonkan bersetuju untuk bertanding adalah seperti berikut: -

Bil	Nama Calon	No. Anggota	Jumlah Undi
1	En. Hamizan bin Hashim	1678	29
2	Tn. Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri	1000	24
3	Pn. Sarida binti Salleh	1279	29
4	En. Sallehuddin bin Ismail	1686	27
5	En. Khairulnizam bin Ahmad	1609	15

* Calon yang berjaya

4. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TERMASUK Pengerusi untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 23.

4.1 Seramai Enam (6) orang perwakilan yang telah dilantik oleh mesyuarat adalah seperti berikut: -

Bil	Nama	No. Anggota
1	En. Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak	1938
2	En. Ammar Izdihar bin Zainuddin	1944
3	En. Abdul Qayyum bin Abdul Jalil	1969
4	Pn. Mariam binti Abu	0761
5	En. Khairul Nizam bin Ahmad	1609
6	En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor	1903
7	Pn. Norhafiza Ibrahim (Simpanan sekiranya En. Khairul Nizam bin Ahmad terpilih sebagai ALK)	1645

5. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2018.

5.1 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1949) selaku Setiausaha telah membentangkan Laporan Tahunan Koperasi (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari – 31 Disember 2018.

5.2 En Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) mencadangkan agar Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018 diterima dan disokong oleh En. Mansor bin Omar (No. Anggota 0678).

6. PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Puan Mariam binti Abu (No. Anggota 0761) selaku wakil Ketua Juruaudit Dalaman telah membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2018 dari mukasurat 23 sehingga mukasurat 24.

7. MENERIMA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 YANG DIAUDIT

7.1 En. Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) telah membentangkan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 yang telah diaudit oleh A. Razak & Co seperti di Lampiran 2 mewakili Cik Nor' Ashikin binti Abdullah (No. Anggota 1234) selaku Bendahari yang masih bercuti sakit.

7.2 En. Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) telah memohon penjelasan mengenai Syer Taksir Harga sebanyak RM500,000.00 (Ace Holding Berhad)

7.2.1 En. Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) menjelaskan bahawa Syer Taksir Harga merupakan salah satu bentuk pelaburan yang menjana pendapatan melalui pelaburan saham (RPS) adalah berdasarkan keuntungan sebanyak 12% setahun bagi tempoh 5 tahun.

7.3 En. Khairul Nizam bin Ahmad (No. Anggota 1609) telah memohon penjelasan berkenaan penurunan keuntungan hasil dari kantin dari Tahun 2017 ke Tahun 2018.

7.3.1 Pn. Rinawati Mohamed Nawawi (No. Anggota 1232) telah menjelaskan bahawa jumlah yang diterima berdasarkan tempahan makan dan minum mesyuarat sahaja dan tidak melibatkan sewaan kantin. Beliau turut menjelaskan bahawa dasar LPPKN kearah penjimatan dengan mengurangkan makan dan minum semasa mesyuarat memberi kesan kepada pendapatan ini.

7.4 Cik Selamah binti Yasim (No. Anggota 1224) telah memohon penjelasan mengenai bentuk derma dan cenderahati yang diberikan oleh Koperasi kepada LPPKN.

7.4.1 En. Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) menjelaskan bentuk derma dan cenderahati yang diberikan adalah dalam bentuk sumbangan kewangan.

7.5 En. Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) telah mencadangkan agar penyata kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2018 diterima dan disokong oleh Pn. Noreen binti Sujak (No. Anggota 1460).

8. MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

8.1 Membayar Dividen Caruman sebanyak 4.53% kepada anggota-anggota

8.1.1 En. Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) telah mencadangkan agar pihak Koperasi menaikkan kadar caruman sebanyak 5% atau lebih bagi tahun 2018.

8.1.2 En. Shahrul dari A. Razak & Co menyatakan bahawa untuk pembayaran dividen adalah berdasarkan penyata kewangan 2018 di muka surat 11. Keuntungan bersih ada peningkatan namun perlu membuat pembayaran berkanun dan pembahagian dividen. Namun setelah dikira dari baki hanya 4.53% sahaja yang boleh dibayar kepada pencarum. Sekiranya pembayaran lebih dibuat akan menyebabkan defisit.

8.1.3 En. Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bahawa pihak Koperasi akan menyemak kembali perkara ini dengan A. Razak & Co serta tertakluk kepada kemampuan kewangan Koperasi dan semakan terakhir kepada baki jumlah dividen yang layak diberikan kepada anggota untuk tahun 2018.

8.2 Membayar dividen saham 10% kepada anggota-anggota.

8.3 Membayar saguhati kehormat (honorarium) kepada anggota lembaga koperasi sebanyak RM10,000.00 bagi Tahun Kewangan 2018

8.3.1 Tuan Syed Izman Syed Aziz Al Kadri (No Anggota 1000) telah mengesyorkan penambahan bayaran honorarium daripada RM10,000.00 kepada RM15,000.00 pada mesyuarat tahun 2017 sekiranya jumlah dividen anggota melebihi 5%.

8.3.2 Dengan penambahan jumlah dividen dan tertakluk kemampuan Koperasi bagi tahun 2018, Tuan Syed Izman Syed Aziz Al Kadri (No Anggota 1000) mencadangkan Honorarium bagi tahun 2018 dinaikkan kepada RM12,000.00 dengan mengambilkira peningkatan kepada jumlah keuntungan Koperasi yang meningkat serta penambahan dividen setiap tahun.

8.4 En. Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) mencadangkan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 yang telah diaudit diterima dengan pindaan dan disokong oleh En. Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) serta majoriti semua ahli mesyuarat yang hadir.

9. MEMBENARKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MEMBUAT PELABURAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG KECIL

9.1 Perkara 34(1)(k) iaitu "menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini".
Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

9.2 Perkara 34(1)(i) iaitu "menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi" dengan jumlah anggaran maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

9.3 En. Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menerangkan bahawa kebenaran daripada Mesyuarat Agung perwakilan ini adalah penting dan ianya akan menjadi mandat kepada Koperasi untuk membuat pelaburan mengikut had yang dibenarkan.

9.4 Sehingga kini Koperasi telah membuat pinjaman dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak RM4,000,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Juta Sahaja) dan permohonan kepada Bank Rakyat untuk pembelian unit Kondominium di Sungai Buloh sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Sahaja).

9.5 Mesyuarat secara majoriti bersetuju membenarkan had amaun yang dicadangkan ini memandangkan ia akan memberi manfaat kepada semua anggota untuk pelaburan didalam ruang lingkup had yang dibenarkan sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

10. PEMBENTANGAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI SESI TAHUN 2019-2020

- 10.1 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) telah membentangkan Anggaran Bajet Bagi Tahun 2019/2020.
- 10.2 En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor (No. Anggota 1903) telah membangkitkan isu sewaan teksi
- 10.2.1 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menjelaskan bahawa kali terakhir permit teksi disewa kepada anggota adalah pada tahun 2018 dan tidak disambung perkhidmatan sewaan ini berikutan dari peraturan SPAD dan penggunaan *e-hailing* telah memberi kesan kepada pendapatan teksi.
- 10.3 Pn. Norhaslindah binti Hassim (No. Anggota 1808) memohon agar ayat penyelenggaraan kantin ditukar kepada penyelenggaraan peralatan kantin kerana penyelenggaraan kantin dibuat oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP LPPKN)
- 10.3.1 En Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) bersetuju agar ayat berkenaan ditukar.
- 10.4 En. Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) membangkitkan isu kadar sewaan kepada pengusaha kantin sebanyak RM500.00.
- 10.4.1 En. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bahawa, sewaan kantin adalah rendah bagi mengekalkan harga makanan yang murah oleh pihak pengusaha kantin. Pihak pengusaha kantin juga membuat pembayaran air dan elektrik kepada Koperasi.
- 10.5 En Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) telah membangkitkan isu berkenaan sewaan kepada orang luar di bahagian luar kawasan kantin dan meminta pihak koperasi mendapatkan maklumat kelulusan dari pihak LPPKN berhubung perkara ini.
- 10.5.1 Pn. Rinawati Mohamed Nawawi (No. Anggota 1232) menyatakan bahawa kelulusan dari Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan telah diterima pada tahun 2014 berhubung caj sewaan kepada pengusaha luar di luar kawasan kantin.

10.6 Cik Selamah Yasim (No. Anggota 1224) membangkitkan kadar sewaan kondominium yang dibeli oleh pihak Koperasi.

10.6.1 En. Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) menyatakan bahawa kadar sewaan kondominium milik Koperasi LPPKN adalah sebanyak RM3200.00 sebulan.

10.7 Pn. Selamah Yasim (No. Anggota 1224) telah mencadangkan agar Sambutan Hari Lahir Anggota Koperasi diadakan.

10.7.1 En. Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) menyatakan bahawa sambutan hari lahir merupakan aktiviti sosial dan Koperasi adalah berasaskan keuntungan. Aktiviti ini akan mengurangkan peratusan untuk pengagihan keuntungan kepada Anggota dan Kelab Kakitangan LPPKN telah melaksanakan perkara ini.

11 MELULUSKAN PERLANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

11.5 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) memohon perwakilan agar memberikan kebenaran kepada ALK untuk melantik dan memilih Firma Audit yang bertauliah (dengan harga tawaran yang berpatutan selain dari pengalaman yang cekap) bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi.

11.6 Semua perwakilan bersetuju secara sebulat suara bagi perlantikan mana-mana firma audit yang difikirkan sesuai oleh pihak Koperasi.

12 MEMBENTANG USUL (JIKA ADA)

Sebanyak Sebelas (11) usul telah diterima untuk dibahaskan seperti berikut: -

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
1	KEDAH/PERLIS	Pencadang: Pn. Murniza binti Mat Isa (No Anggota 1459) 1. Mencadangkan Koperasi memberi pinjaman boleh bayar untuk ibadah Korban setiap tahun berjumlah RM 1,000 kepada Anggota. Pencadang: Pn. Nik Raizan binti Nik Mod (No. Anggota 1646) 1. Mencadangkan supaya Koperasi mewujudkan satu perkhidmatan berkonsepkan Ar-rahnu (gadaian) supaya memudahkan anggota membuat rujukan. 2. Mencadangkan supaya elaun mesyuarat Koperasi dinaikkan dari RM 50.00 ke RM 100.00 kerana berlakunya peningkatan pelbagai kos		/ / /	Koperasi fokus kepada pembiayaan sedia ada. Tiada kepakaran dan banyak agensi diluar menawarkan perkhidmatan ini. Keadaan kewangan Koperasi tidak mengizinkan. Anggaran kos ini adalah sebanyak RM70,000.00.

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
2	PULAU PINANG	Pencadang: En. Syaifzan Aizad bin Mokhtar (No. Anggota 1432) 1. Mengusulkan pihak koperasi mencari kaedah baru dalam memastikan penjamin yang menandatangani dokumen pinjaman adalah tulen. (bagi mengelakkan kes pemalsuan tandatangan penjamin) Pencadang: En. Abdul Rahman Rais bin Abdullah (No. Anggota 1488) 1. Mencadangkan agar setiap penjamin dimaklumkan kembali oleh pihak koperasi berkenaan jumlah pinjaman yang telah dipinjam oleh Anggota koperasi sebelum proses pinjaman diluluskan. 2. Mengusulkan pihak koperasi untuk mengemaskan urusan Aqad, pinjaman, dokumentasi yang berkaitan terus kepada peminjam dan dijadikan sebagai sulit diantara pihak koperasi, peminjam dan penjamin.	/		

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
3	PAHANG	Pencadang: Cik Selamah binti Yasim (No. Anggota 1224) 1. Anggota Koperasi daerah yang hadir diberi elaun perjalanan ke mesyuarat kawasan untuk menampung perbelanjaan minyak dan bayaran tol dengan mengambil kira perjalanan yang jauh dari tempat bertugas dan tidak membebankan anggota. 2. Mencadangkan pembayaran pinjaman perayaan sebelum tiba bulan Ramadhan, ini bertujuan untuk memudahkan anggota membuat persiapan raya. Hantar borang kepada koperasi 1 @ 2 bulan sebelum Ramadhan. Pencadang: Cik Nor Azwani binti Idris (No. Anggota 1901) 1. Anggota Koperasi diberi Hadiah Ulang tahun berbentuk cenderahati dan ucapan penghargaan hari lahir diuar-uarkan dalam laman Web Koperasi dan Facebook Koperasi. 2. Pembelian Pusat Latihan untuk disewakan menggunakan Koperasi LPPKN. Pencadang: Cik Nur Hafizah binti Mustafa (No. Anggota 1796) 1. Meluluskan pengeluaran caruman Anggota antara 20% ke 50%. Pencadang: Pn. Siti Asmah binti Ahmad (No. Anggota 1675) 1. Mencadangkan Koperasi sebagai agen pelancongan kepada Anggota koperasi untuk lawatan dalam dan luar negara.	/	/	Keadaan kewangan tidak mengizinkan. Kelab Kakitangan LPPKN telah melaksanakan dan Koperasi fokus kepada penajaan pendapatan. Telah membeli aset lain yang lebih menguntungkan. Sedia ada sehingga 80% Telah mempunyai perkhidmatan ini.

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
4	PERAK	Pencadang: Matron Ruslaini Ahmad (No. Anggota 1579) 1. Mencadangkan supaya Anggota boleh menambah saham dengan syarat yang lebih mudah. 2. Peminjam tidak perlu penjamin jika pinjaman Anggota tersebut tidak lebih dari simpanan carumannya. 3. Mencadangkan supaya mewujudkan kedai Koperasi di setiap Negeri untuk meningkatkan pendapatan.		/ / /	Mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Sedia ada. Melibatkan kos operasi yang tinggi.
5	SELANGOR	Pencadang: En. Mansor bin Omar (No. Anggota 0678) 1. Mencadangkan tambahan elaun makan untuk mesyuarat kawasan dinaikkan dari RM 10.00 ke RM 15.00. Pencadang: En. Nurul Irsyad bin Mohamed (No. Anggota 1986) 1. Mencadangkan agar pihak Pengurusan Koperasi mewujudkan perlindungan insuran perubatan untuk Anggota koperasi. Pencadang: Pn. Haslina binti Kanta (No. Anggota 1780) 1. Mencadangkan pihak Koperasi memberi sedikit imbuhan/saguhati kepada anak Anggota koperasi yang mendapat keputusan yang cemerlang di sekolah.	/	/ /	Agensi luar telah banyak menawarkan perkhidmatan ini. Sedia ada

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
6	KELANTAN & TERENGGANU	Pencadang: En. Kamarozaman bin Musa (No. Anggota 1464) 1. Dicapangkan supaya dibekalkan kepada semua Anggota koperasi sehelai baju <i>tshirt</i> yang melambangkan identiti Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd sebagai cenderahati tahunan Pencadang: Pn. Haslinda binti Hassan (No. Anggota 1321) 1. Dicapangkan supaya dinaikkan kadar pinjaman perayaan daripada RM5,000.00 kepada RM10,000.00. Pencadang: Pn. Azizawati binti Arifin (No. Anggota 1489) 1. Dicapangkan supaya ada pertambahan dividen pada tahun ini daripada tahun sebelumnya iaitu sebanyak 4.5%. Pencadang: En. Mohd Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1963) 1. Dicapangkan supaya dinaikkan elaun mesyuarat kawasan daripada RM50.00 kepada RM100.00 bagi menarik lebih ramai kakitangan LPPKN untuk menjadi Anggota Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd.	/	/	Telah dinaikkan pada tahun 2018 dari RM4,000.00 kepada RM5,000.00. Keadaan kewangan Koperasi tidak mengizinkan. Anggaran kos ini adalah sebanyak RM70,000.00.

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
8	NEGERI SEMBILAN/ MELAKA	Pencadang: Pn. Noreen binti Sujak (No. Anggota 1460) 1. Mencadangkan supaya tempoh untuk keluar sebagai Anggota koperasi dipendekkan dari 12 bulan ke 6 bulan atau 3 bulan. 2. Anggota mesyuarat memohon untuk kenaikan dividen pada tahun 2019 3. Mencadangkan Koperasi memperluaskan penyewaan mesin air atau makanan (<i>Vending Machine</i>) ke setiap Pejabat LPPKN Negeri dan membuat hebahan perniagaan yang dijalankan oleh Koperasi. 4. Mencadangkan untuk Koperasi melewati mesyuarat kawasan bagi memberi peluang kepada semua anggota tidak terlepas untuk menghadiri mesyuarat Koperasi. 5. Mencadangkan untuk pihak Koperasi menghantar notis maklumat kepada setiap negeri jika syer saham mempunyai kekosongan. 6. Mencadangkan pertimbangan dari pihak Koperasi untuk mengeluarkan yuran anggota untuk kegunaan seperti kecemasan, pelajaran, kesihatan dan sebagainya. 7. Mencadangkan mencadangkan supaya Koperasi mewujudkan satu simpanan khas supaya dapat digunakan atau dikeluarkan ketika waktu kecemasan.	/	/	Tiada tempoh ditetapkan tetapi situasi berbeza setiap individu terutama melibatkan anggota yang masih mempunyai baki pembiayaan. Tarikh dan waktu adalah mengikut Negeri masing-masing. Melalui FB, grup Whatsapp dan Notis kepada Negeri Koperasi menyediakan pembiayaan. Sedia ada.

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
9	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	Tiada Usul			
10	IBU PEJABAT LPPKN	Pencadang: En. Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) 1. Mengusulkan agar dividen bagi tabungan anggota untuk tahun 2018 diberikan sebanyak 4.5% memandangkan ada peningkatan di dalam keuntungan bersih tahun semasa. Pencadang: En. Khairul Nizam bin Ahmad (No. Anggota 1609) 1. Mencadangkan agar pihak Koperasi memberikan komisyen kepada anggota yang berjaya mempromosi kepada pihak luar bagi sewaan di ruang legar bahagian luar kantin LPPKN. Komisyen diberikan setelah pihak luar tersebut bersetuju dan telah membayar kadar sewaan yang telah ditetapkan oleh pihak Koperasi.	/		
11	ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH	1. Menambahbaik Undang-Undang Kecil Koperasi dengan tambahan-tambahan yang perlu dikemaskini sejak tahun 2010. 2. Menambah Honorarium ALK daripada RM10,000.00 setahun kepada RM12,000.00 tertakluk dengan kemampuan kewangan Koperasi.	/		

13 MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI (PINDAAN 2010) (JIKA ADA)

- 13.1 Perwakilan sebulat suara dan membenarkan ALK membuat sebarang pindaan mengenai Peraturan – peraturan Koperasi serta Undang-undang Kecil Koperasi dengan mengemaskini tambahan maklumat dan perkara-perkara yang telah diluluskan sebelum ini.

14 HAL-HAL LAIN

- 14.1 Cik Selamah binti Yasim (No. Anggota 1224) mengajukan pertanyaan berkenaan Anggota yang menghadapi masalah tatatertib tetapi membuat pinjaman yang memerlukan penjamin.

14.1.1 Tn. Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri (No. Anggota 1000) menyatakan bahawa perkara ini pernah berlaku dan setiap permohonan pinjaman akan dirujuk dengan BPSM untuk semakan. Sekiranya pemohon menghadapi tindakan tatatertib, permohonan pinjaman akan ditangguhkan. Namun, anggota boleh memohon pinjaman tabungan sedia ada sekiranya mencukupi dengan syarat.

14.1.2 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) turut menyatakan bahawa, anggota yang telah berkhidmat melebihi 6 bulan boleh memohon untuk pinjaman yang ditawarkan.

- 14.2 En. Badri bin Alias (No. Anggota 1877) telah mencadangkan perkara berikut:

- i. Elaun kehadiran dipertimbangkan kembali terutama kepada yang ingin hadir tetapi tidak hadir disebabkan tugas.
- ii. Cadangan yang lebih baik kepada penjamin dengan mengadakan klausa bagi melindungi penjamin seperti mengadakan insurans.
- iii. Penetapan hari mesyuarat dikaji semula.

14.2.1 En Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri (No. Anggota 1000) menyatakan bahawa sekiranya perkara (i) dipertimbangkan akan menyebabkan kehadiran Anggota mesyuarat tidak mencukupi syarat yang ditetapkan.

14.2.2 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bagi perkara (ii) pihak koperasi mengambil maklum cadangan berkenaan dan mencari cadangan terbaik bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan.

14.2.3 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bagi perkara (iii) penetapan hari mesyuarat kawasan adalah ditetapkan oleh pihak negeri sendiri dan sepatutnya tiada isu.

- 14.3 En. Mohd. Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1963) membangkitkan perkara berkenaan pengemaskinian senarai nama peminjam dan penjamin. Beliau turut mengutarakan berkenaan penyertaan anggota Koperasi ke kursus yang ditawarkan oleh Maktab Koperasi dan pembayaran yuran penyertaan oleh pihak Koperasi.

14.3.1 Pn. Rinawati Mohamed binti Nawawi (No. Anggota 1232) menyatakan bahawa pihak Koperasi sedang membangunkan sistem bagi pengemaskinian senarai ini juga untuk bertujuan memudahkan keputusan dibuat.

14.3.2 Pn. Rinawati Mohamed binti Nawawi (No. Anggota 1232) turut menyatakan bahawa untuk anggota Koperasi yang ingin menyertai kursus yang ditawarkan oleh Institut Koperasi Malaysia boleh membuat permohonan melalui Koperasi LPPKN dengan yuran penyertaan akan ditanggung oleh pihak Koperasi tertakluk terma dan syarat serta pelepasan dengan izin Pengarah Bahagian/Negeri masing-masing.

- 14.4 En. Abd Qayyum bin Abd Jalil (No. Anggota 1969) telah membangkitkan pertanyaan mengenai ibrar yang dikenakan untuk penyelesaian pinjaman awal.

14.4.1 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan anggota boleh membuat semakan dengan pihak koperasi dan pengiraan akan dibuat berdasarkan keuntungan tahunan kadar tahun semasa tanpa mengambilkira keuntungan tahun akan datang.

- 14.5 En. Ammar Izdihar bin Zainuddin (No. Anggota 1944) membangkitkan mengenai Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 38(1) dan 38(2) berkaitan pengiliran ALK untuk pencerahan.

14.5.1 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bahawa penggiliran bagi anggota yang tamat tempoh setiap dua tahun (2) dan perlu ada pencalonan dan anggota berkenaan bersetuju untuk bertanding bagi melayakkan untuk menjadi ALK.

- 14.6 En. Abd Qayyum bin Abd Jalil (No. Anggota 1969) membangkitkan isu berkenaan pemberian elaun kehadiran mesyuarat kepada pemandu yang bertugas luar tetapi mahu hadir ke Mesyuarat Agung.

14.6.1 En. Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bahawa pemandu perlu hadir walaupun sekejap ke mesyuarat berkenaan bagi melayakkan mendapat elaun berikutan ini adalah elaun kehadiran yang hanya dibayar kepada anggota yang hadir sahaja.

15 ULASAN DARIPADA WAKIL SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

- 15.1 Pn Azlina binti Abu Bakar dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia Kuala Lumpur mengucapkan tahniah dan syabas kepada Koperasi Kakitangan LPPKN kerana berjaya menganjurkan mesyuarat dengan jayanya serta sebarang pertanyaan dan soalan daripada perwakilan dijawab dengan baik oleh barisan ALK.
- 15.2 Beliau telah membuat sedikit teguran mengenai perjalanan mesyuarat iaitu setiap cadangan yang dikemukakan perlu ada pencadang dan penyokong dan tidak boleh menggunakan ayat sebulat suara bersetuju.
- 15.3 Beliau juga telah membangkitkan isu berkenaan pelaburan dalam ACE yang mana pihak koperasi perlu memberikan justifikasi pelaburan berkenaan dalam bentuk bertulis kepada SKM. Pihak Koperasi perlu merujuk kepada SKM terutama melibatkan pelaburan sebelum membuat sebarang pelaburan.

16 PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.30 tengahari dengan ucapan terima kasih kepada perwakilan yang hadir serta memberikan kerjasama dalam melancarkan proses mesyuarat.







Disediakan oleh:



(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 23, yang telah diadakan pada 27 Jun 2019 (Khamis) jam 10.00 pagi di Dewan Auditorium, Tingkat 13 Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur telah disemak dan ditentukan oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada 19 Februari 2020 hari Rabu jam 9.30 pagi bertempat Bilik Mesyuarat Koperasi, Tingkat 9 Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

BIL	NAMA	TANDATANGAN
1	EN. AHMAD HASHIMI MOHAMMAD	
2	EN. MOHD AZMY JAKOMAR	
3	EN. MOHD FIRDAUS MAZALAN	
4	PN. SARIDA HJ SALEH	
5	EN. AMMAR IZDIHAR ZAINUDDIN	
6	EN. AHMAD RASYIDEE ABDUL RAZAK	
7	EN. ABDUL QAYYUM BIN ABDUL JALIL	
8	EN. MOHAMAD NAZRI BIN MOHAMAD NOR	
9	PN. MARIAM BINTI ABU	
10	EN. KHAIRUL NIZAM BIN AHMAD	TIDAK HADIR

**SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN UNTUK MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN 2019 PADA 26 SEPTEMBER 2020
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BIL. KE 24**

NEGERI	BIL	NAMA PERWAKILAN	NO AHLI
NEGERI SEMBILAN	1	PN. NOREEN BINTI SUJAK	1460
	2	EN. MOHD SALLEH BIN NORBIB	1762
MELAKA	3	EN. MOHD FADZLY BIN MOHD RASHID	1467
JOHOR	4	PN. SITI MASLINA BINTI SAMIAN	1790
	5	PN. MARINA MOHAMAD AWAL	1700
KELANTAN TERENGGANU	6	EN. MOHD HAKIMI HASA SINGH @HASRINE	1641
	7	EN. MOHD ZULKEFLI BIN RUSLI	1963
PERLIS	8	PN. ADE YUSNETTA BINTI OTHMAN	1308
KEDAH	9	EN. MOHAMAD AZHAR MD ZABIDI	1876
PULAU PINANG	10	PN. MASNI BINTI RAHIM	1677
PAHANG	11	PN. SELAMAH BINTI YASIM	1224
PERAK	12	PN. RUSLAINI BINTI AHMAD	1579
	13	EN. MOHD BADRI BIN ALIAS	1877
W/PERSEKUTUAN	14	PN. MASTURA BINTI RAHIM	1599
	15	EN. MOHD ARIFFUDDEEN BIN JAMALUDIN	1773
SELANGOR	16	EN. AHMAD FAIZUL BIN MOHD NOOR	1082
SABAH	17	EN. AWALUDDIN BIN HJ ADAM	1544
IBU PEJABAT	18	EN. SALLEHUDDIN BIN ISMAIL	1686
	19	EN. MOHAMAD NAZRI BIN MOHAMED NOR	1903
	20	EN. ABD QAYYUM BIN ABD JALIL	1969
	21	PN. NORHASLINDAH BINTI HASSIM	1808
	22	PN. AINI FAZANA BINTI ZAINAL ABIDIN	1939
	23	EN. AMMAR IZDIHAR BIN ZAINUDDIN	1944
	24	EN. AHMAD RASYIDEE BIN ABDUL RAZAK	1938
	25	EN. MUHAMMAD AZAHARI BIN HARUN	1504
	26	EN. MOHAMAD ZAHIED BIN MAT RUS	1339
	27	PN. MARIAM BINTI ABU	0761
JURU AUDIT DALAM	28	PN. NOOR HAFIZA BINTI IBRAHIM	1645
	29	PN. NOR AZIAH BINTI MOHAMED MAHAYUDDIN	1644
AHLI LEMBAGA KOPERASI	30	EN. AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD	1372
	31	CIK. NOR' ASHIKIN BINTI ABDULLAH	1234
	32	EN. MOHD AZMY BIN JAKOMAR	1494
	33	EN. MOHD FIRDAUS BIN MAZALAN	1213
	34	PN. NOR ASHIKIN BINTI SAAD	1478
	35	PN. RINAWATI BINTI MOHAMED NAWAWI	1232
	36	EN. NORHAMIZAN BIN HASHIM	1678
	37	PN. SARIDA BINTI HJ SALEH	1279
	38	EN. SYED IZMAN BIN SYED AZIZ AL-KHADRI	1000

**Laporan
Tahunan Koperasi
Kakitangan
LPPKN (M) Berhad
Bagi Tempoh
1 Januari 2019
Hingga
31 Disember 2019**

LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

1. MUKADIMAH

1.1 Terlebih dahulu Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota koperasi dan juga pengurusan koperasi yang telah memberi kerjasama, sokongan dan cadangan yang membina ke arah kemajuan koperasi.

1.2 Dengan kerjasama dan sokongan tersebut kami Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacita membentangkan prestasi pencapaian koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019 yang telah diaudit.

1.3 Koperasi telah beroperasi sebagai sebuah koperasi kredit dan serbaguna dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut Pematuhan Syariah. Aktiviti Koperasi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- (a) Memberi pembiayaan Tawaruq kepada anggota koperasi
- (b) Memberi pembiayaan pengguna Murabahah
- (c) Memberi pembiayaan pendidikan/bantuan awal persekolahan dan perayaan
- (d) Memberi pembiayaan umrah/pelancongan
- (e) Perniagaan alat telekomunikasi, perabot dan peralatan letrik
- (f) Perkhidmatan membayar bil telekom, air, astro, prabayar dan lain-lain
